




PELAKSANAAN
SIASAH
SYAR'IIYYAH
DALAM
PENTADBIRAN KERAJAAN

PELAKSANAAN
SIASAH
SYAR'IIYYAH
DALAM
PENTADBIRAN KERAJAAN



PELAKSANAAN
SIASAH
SYAR'IIYYAH
DALAM
PENTADBIRAN KERAJAAN

DATO' WAN ZAHIDI WAN TEH

16 JAN 2003

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01084785

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

ISBN 983-0420186-4

Cetakan pertama 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wan Zahidi Wan Teh, Dato'

Pelaksanaan siasah syar'iyah dalam pentadbiran kerajaan
ISBN 983-042-186-4

1. Islamic law--Malaysia. 1. Judul.

340.5909595

Rekabentuk oleh:

MATANG CIPTA SDN. BHD. (No. 244386-D)
89-B, Tingkat 1, Jalan Raja Muda Abd Aziz,
50300 Kuala Lumpur.
Telefax : 603-2694 8692
email: matang@pd.jaring.my

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur,
Tel: 03-9225 2854 Faks: 03-9222 4733
email: print@printnasional.com.my

m
340.5909595
WZW

WZW

KANDUNGAN

Keperluan Siasah Syar'iyah Dalam Urusan Pemerintahan	1
Pengertian Siasah Syar'iyah	9
Dalil-dalil Pelaksanaan Siasah Syar'iyah	12
Melihat Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Beberapa Isu Semasa	23
Hak Pemerintah Dalam Menghadkan Penggunaan Perkara Yang Harus	27
Jihad Dan Mati Syahid	47

KATA ALU-ALUAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik dan inayah-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berjaya menerbitkan risalah bertajuk 'Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Kerajaan'. JAKIM sentiasa menerbitkan risalah-risalah seumpama ini sebagai satu tanggungjawab memberi kefahaman yang jelas kepada rakyat khususnya masyarakat Islam berhubung isu-isu semasa yang berkaitan dengan ajaran Islam.

Kedapatan segelintir masyarakat Islam di negara ini yang menolak segala tindakan dan dasar kerajaan didakwa tidak Islamik, sekularisme, zalim dan sia-sia adalah natijah daripada kurang memahami intipati ajaran Islam dan pelaksanaan syariatnya dalam skop yang lebih luas dan komprehensif. Siasah Syar'iyah adalah merupakan salah satu pendekatan amalan syariat

Islam dan seharusnya ia difahami dengan baik, jelas dan betul. Kefahaman terhadap prinsip dan kaedah amalan Siasah Syar'iyah akan menyedarkan kita betapa beberapa tindakan dan dasar kerajaan yang dipertikaikan adalah menepati kehendak syariat Islam yang mengutamakan kebaikan dan maslahat umat Islam masa kini.

Adalah diharapkan isu yang dikupas secara ilmiah ini menjadi titik tolak kepada kita ke arah membantu kerajaan meninggikan syiar Islam serta mengekalkan maruah dan imej umat Islam di negara ini sebagai umat yang progresif, berdaya saing, maju dan umat contoh.

DATUK HJ MOHAMAD SHAHIR BIN HJ ABDULLAH
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KEPERLUAN SIASAH SYAR'IIYAH DALAM URUSAN PEMERINTAHAN

Perkataan siasah dalam bahasa Arab membawa makna:

تَدْبِيرُ الشَّيْءِ وَالْقِيَامُ عَلَيْهِ بِمَا يُصْلِحُهُ .

Maksudnya: "Mengurus sesuatu dan menjaganya dengan apa cara yang boleh membawa kebaikan kepadanya."

Para ulama fekah ketika menulis dalam bidang ini biasanya menggandingkan perkataan siasah dengan perkataan syar'iiyah.

Imam Ibn al-Qayyim dalam kitabnya "*al-Turuq al-Hukmiyah*" memetik kata-kata Ibn Aqil seperti berikut berkenaan penggunaan siasah syar'iiyah:

جَرَى جَوَازُ الْعَمَلِ فِي السُّلْطَنَةِ بِالسِّيَاسَةِ الشَّرْعِيَّةِ أَنَّهُ هُوَ

الْحَزْمُ، وَلَا يَخْلُوا مِنَ الْقَوْلِ بِهِ إِمَامًا.

Maksudnya: "Dalam urusan pemerintahan, terdapat pandangan yang menyatakan keharusan beramal dalam prinsip siasah syar'iyah. Ini merupakan pendapat yang kukuh dan mana-mana imam mazhab tidak ketinggalan memperakukannya."

Petikan daripada Ibn al-Qayyim ini menyatakan bahawa penggunaan siasah syar'iyah berlaku dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran negara. Oleh itu dalam membicarakan tajuk ini, kita perlu terlebih dahulu memperkatakan tentang kewajipan menegakkan pemerintahan di kalangan umat Islam berasaskan sumber-sumber yang terdapat dalam al-Quran dan juga al-Sunnah.

Jika kita memeriksa ayat-ayat Quran dan hadith-hadith Nabi, kita dapati banyak sekali nas-nas yang berkaitan dengan prinsip-prinsip pemerintahan serta tanggung-jawab pemerintah dan rakyat, seperti yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan:

فَمِنَ الْبُدْيَةِ أَنْ نَجِدَ فِي أَحْكَامِهَا (أَحْكَامِ الشَّرِيعَةِ
الْإِسْلَامِيَّةِ) وَقَوَاعِدِهَا مَا يَتَعَلَّقُ بِالدَّوْلَةِ وَنِظَامِ الْحُكْمِ
فِيهَا، كَمَبْدَأِ الشُّورَى وَمَسْئُولِيَّةِ الْحُكَّامِ وَوُجُوبِ طَاعَتِهِمْ
فِي الْمَعْرُوفِ، وَأَحْكَامِ الْحَرْبِ وَالسَّلْمِ وَالْمُعَاهَدَاتِ إِلَى

غَيْرِ ذَلِكَ مِنَ الْأَحْكَامِ الْمُتَعَلِّقَةِ بِالدَّوْلَةِ وَشُغُونِهَا. وَفِي
 الشَّيْءِ تَكَرَّرَ الْفَاطُ " الْأَمِيرُ " و " الْإِمَامُ " و " السُّلْطَانُ " .
 وَهَذِهِ الْفَاطُ مِنْ بِيَدِهِ السُّلْطَةُ وَالْحُكْمُ أَيْ الْحُكُومَةُ .

Maksudnya: "Adalah suatu perkara yang cukup jelas bahawa dalam hukum-hukum syariat Islam terdapat prinsip-prinsip tentang penubuhan negara dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya, seperti prinsip syura, tanggungjawab pemerintah dan kewajipan taat kepada mereka dalam perintah-perintah yang bukan maksiat, hukum-hukum yang berkaitan dengan peperangan dan keamanan, perjanjian serta hukum-hukum yang berkaitan dengan negara dan hal ehwalnya. Dalam Sunnah Rasulullah s.a.w. kita dapati banyak sekali diulang-ulangkan perkataan "al-Amir", "al-Imam" dan "al-Sultan". Istilah-istilah ini membawa makna: golongan yang berada di tangan mereka kekuasaan dan pemerintahan iaitu kerajaan."

Apa yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan ini dapat disaksikan dengan jelas dalam banyak nas daripada al-Quran dan al-Sunnah seperti berikut:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا
 يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا

أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
 ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: "... Dan (Allah menyuruh kamu) apabila kamu memerintah di kalangan manusia, kamu memerintah dengan adil. Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-
 (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."
 (Surah al-Nisa': 58-59)

Firman Allah S.W.T.:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ
 وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: "Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka; dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang

Kami berikan kepada mereka.”

(Surah al-Syura: 38)

Firman Allah S.W.T.:

إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنْقُصُوكُمْ شَيْئًا
وَلَمْ يُظَاهِرُوا عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُوا إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Kecuali orang-orang musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian (dengan mereka) dan mereka tidak mengurangi sesuatupun (dari isi perjanjian)mu dan tidak (pula) mereka membantu seseorang yang memusuhi kamu, maka terhadap mereka itu penuhilah janjinya sampai batas waktunya. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Taubah: 4)

Firman Allah S.W.T.:

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Berangkatlah kamu baik dalam keadaan merata ringan ataupun merasa berat, dan berjihadlah dengan harta dan dirimu di jalan Allah.

Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu jika kamu mengetahui .”

(Surah al-Taubah: 41)

Sabda Nabi s.a.w.:

سَيَكُونُ بَعْدِي أُمَرَاءُ فَأَدُّوا إِلَيْهِمْ طَاعَتَهُمْ، فَإِنَّ الْأَمِيرَ مِثْلُ
الْمَجْنُونِ يُتَّقَى بِهِ، فَإِنْ أَصْلَحُوا أُمُورَهُمْ بِخَيْرٍ فَلَكُمْ وَلَهُمْ،
وَإِنْ أَسَاءُوا فِيمَا أَمَرُوكُمْ بِهِ فَهُوَ عَلَيْهِمْ وَأَنْتُمْ مِنْهُ بُرَاءٌ.

Maksudnya: “Akan ada selepasku pemerintah-pemerintah, maka hendaklah kamu tunaikan kewajipan taat kamu kepada mereka, kerana pemerintah laksana perisai yang kita gunakan untuk berlindung; jika mereka menjalankan urusan pemerintahan dengan baik, maka kamu dan mereka akan mendapat pahala, dan jika mereka memerintah dengan cara yang tidak baik, maka dosanya ditanggung oleh mereka, manakala kamu terselamat (daripada dosa).”

(Riwayat al-Tabarani)

الْإِمَامُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، مَنْ أَكْرَمَ سُلْطَانَ اللَّهِ تَبَارَكَ
وَتَعَالَى فِي الدُّنْيَا، أَكْرَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ أَهَانَ سُلْطَانَ
اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى فِي الدُّنْيَا، أَهَانَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: "Pemerintah adalah perlindungan Allah di bumi; sesiapa yang memuliakan kuasa Allah S.W.T. di dunia, Allah akan muliakan dia pada hari kiamat; dan sesiapa yang menghina kuasa Allah S.W.T. di dunia, Allah akan hinakan dia pada hari kiamat."

(Riwayat al-Tirmizi, Ahmad dan al-Tabarani)

مَنْ كَرِهَ مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ، فَإِنَّهُ مَنْ خَرَجَ مِنَ السُّلْطَانِ
شَيْئًا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.

Maksudnya: "Sesiapa yang tidak suka sesuatu daripada pemerintahnya, maka hendaklah ia bersabar, kerana sesungguhnya sesiapa yang mengambil langkah menderhaka terhadap pemerintah walaupun sekadar sejengkal, mati ia seperti mati jahiliah."

(Riwayat Bukhari)

Berasaskan nas-nas seperti ini, para ulama Ahlus Sunnah sependapat mengatakan bahawa mewujudkan pemerintahan merupakan kewajipan fardu kifayah ke atas umat Islam, seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qudamah:

اتَّفَقَتْ جَمِيعُ مَذَاهِبِ أَهْلِ السُّنَّةِ عَلَى وُجُوبِ الْإِمَامَةِ
وُجُوبًا كِفَايِيًّا عَلَى الْأُمَّةِ، وَعَيْنِيًّا عَلَى مَنْ نَعِيَ لَهَا.

Maksudnya: "Seluruh ulama dari kalangan mazhab Ahlus Sunnah sependapat mengatakan bahawa mendirikan pemerintahan adalah menjadi kewajiban fardu kifayah ke atas umat Islam, dan fardu 'ain ke atas orang dipilih menjadi pemerintah."
 (Riwayat Ibn Qudamah)

يَجِبُ نَضْبُ إِمَامٍ يَقُومُ بِحِرَاسَةِ الدِّينِ وَسِيَاسَةِ أُمُورِ
 الْمُسْلِمِينَ وَكَفِّ أَيْدِي الْمُعْتَدِينَ وَأَنْصَافِ الْمَظْلُومِينَ
 مِنَ الظَّالِمِينَ... فَإِنَّ بِذَلِكَ صَلَاحَ الْبِلَادِ وَأَمْنَ الْعِبَادِ وَقَطْعَ
 مَوَادِّ الْفَسَادِ، لِأَنَّ الْخَلْقَ لَا تَصْلُحُ أَحْوَالُهُمْ إِلَّا بِسُلْطَانٍ
 مُطَاعٍ يَقُومُ بِسِيَاسَتِهِمْ وَيَتَجَرَّدُ لِحِرَاسَتِهِمْ.

Maksudnya: "Wajib melantik pemerintah yang bertanggungjawab menjaga agama dan mentadbir urusan umat Islam, menyekat ancaman penceroboh, membantu orang yang dizalimi dalam menuntut keadilan daripada orang yang menzalimi ... Maka dengan cara demikian, negara akan beroleh kebaikan dan rakyat akan menikmati keamanan, juga punca-punca kerosakan akan dapat dibanteras. Ini kerana keselamatan dan kepentingan rakyat tidak akan dapat dijaga melainkan dengan wujudnya pemerintah yang ditaati, yang bertanggungjawab menjalankan fungsi pemerintahan dan menjaga keselamatan mereka."

Seperti yang dinyatakan oleh Ibn Jama'ah ini, tanggungjawab pemerintah begitu besar dan luas. Ia meliputi kewajipan memelihara agama, mentadbir negara dan rakyat, menjaga keamanan dan keselamatan negara, nyawa, harta benda, kehormatan dan sebagainya. Memandangkan tanggungjawab yang besar dan berat ini, sudah tentu pemerintah perlu menggunakan prinsip tertentu bagi membolehkan mereka melaksanakan fungsi tersebut dengan berkesan dalam suasana dan keadaan yang berubah-ubah mengikut perubahan tempat, masa, tabiat manusia, perkembangan tamadun dan sebagainya. Prinsip ini dikenali dengan siasah syar'iiyah.

PENGERTIAN SIASAH SYAR'IYYAH

Berkenaan pengertian *Siasah Syar'iiyah*, Ibn Aqil menyatakan:

السِّيَاسَةُ مَا كَانَ فِعْلًا يَكُونُ مَعَهُ النَّاسُ أَقْرَبَ إِلَى الصَّلَاحِ
وَأَبْعَدَ عَنِ الْفَسَادِ، وَإِنْ لَمْ يَضَعَهُ الرَّسُولُ وَلَا نَزَلَ بِهِ وَحْيٌ.

Maksudnya: “*Siasah syar'iiyah* ialah apa-apa tindakan yang membawa manusia kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada keburukan, sekalipun ia tidak ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak terdapat dalam wahyu yang diturunkan.”

Sementara Ibn Najim pula mentakrifkan sebagai:

فِعْلُ الشَّيْءِ مِنَ الْحَاكِمِ لِمَصْلَحَةٍ يَرَاهَا وَإِنْ لَمْ يَرِدْ بِهَذَا
دَلِيلٌ مُجَرَّبٌ.

Maksudnya: "Sesuatu tindakan yang diambil oleh pemerintah yang pada pandangannya boleh menjaga kepentingan umum, sekalipun tidak terdapat dalil yang khusus berkenaannya."

Syeikh Abdul Rahman Taj dalam tulisannya al-Siasah al-Syar'iyah merumuskan pengertian siasah syar'iyah dengan katanya:

"Apa yang dimaksudkan dengan siasah syar'iyah ialah peraturan-peraturan yang bertujuan untuk menyusun agensi-agensi negara dan mentadbir hal ehwal umat, dengan mengambil kira ianya tidak bertentangan dengan roh syariat serta dapat mencapai matlamat menjaga kepentingan rakyat; sekalipun peraturan-peraturan tersebut tidak terdapat dalil tentangnya secara terperinci dalam al-Quran dan al-Sunnah."

Daripada takrif-takrif ini dapat difahami bahawa di bawah prinsip siasah syar'iyah ini, pemerintah mempunyai kuasa yang luas dalam menguatkuasakan apa-apa peraturan serta larangan untuk menjaga kepentingan umum, dan apa-apa yang dianggap boleh memelihara

kepentingan umum itu mestilah berasaskan kepada pandangan dan penilaian pemerintah sendiri, seperti yang ditekankan oleh Ibn Najim dalam takrifnya, “*Limaslahatin Yaraha*” (kerana sesuatu kepentingan umum mengikut pandangannya).

Ketika membicarakan bidang kuasa dan hak pemerintah ini, Dr. Mahmud al-Khalidi dalam kitabnya “*Qawa'id Nizam al-Hukmi fi al-Islam*”, sebuah tesis Ph.D menyatakan:

وَأَتَقَعَدَ إِجْمَاعُ الصَّحَابَةِ أَيْضًا عَلَى أَنَّ الْعَمَلَ بِمَا يَتَّبِعُهُ
الْخَلِيفَةُ مِنَ الْأَحْكَامِ وَاجِبٌ، وَلَا يَجِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَعْمَلَ
بِغَيْرِ مَا يَتَّبِعُهُ مِنْ أَحْكَامٍ أَوْ قَوَائِنَ أَوْ أَنْظِمَةٍ إِدَارِيَّةٍ، كَأَنَّ
يَتَّبِعْنَا رَيْسُ الدَّوْلَةِ سُنَّ قَانُونٍ لِنِظَامِ الْمُرُورِ فَلَأُمَّةٌ مُلْزَمَةٌ
شَرْعًا بِإِتِّبَاعِ مَا أَمَرَ بِهِ رَيْسُ الدَّوْلَةِ.

Maksudnya: “Para sahabat juga telah sepakat mengatakan bahawa melaksanakan peraturan-peraturan yang didukung oleh pemerintah adalah wajib dan tidak halal bagi seseorang muslim mengikut hukum, undang-undang serta sistem pentadbiran yang lain dari apa yang ditentukan oleh pemerintah. Misalnya, apabila pemerintah telah menentukan undang-undang yang berkaitan dengan jalan raya, seluruh umat wajib di sisi syarak mematuhi apa yang diperintahkan oleh ketua negara.”

DALIL-DALIL PELAKSANAAN SIASAH SYAR'IIYAH

Pertama: Firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ
مِنْكُمْ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah S.W.T. dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uhl Amri (golongan pemerintah) dari kalangan kamu."

(Surah al-Nisa': 59)

Perintah mentaati pemerintah umat Islam dalam ayat ini datang dalam bentuk yang umum meliputi semua perkara, melainkan dalam perkara yang dikecualikan atau ditakhsiskan oleh nas syarak sendiri, iaitu dalam perkara maksiat seperti yang terdapat dalam sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

لَا طَاعَةَ فِي مَعْصِيَةٍ، إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ.

Maksudnya: "Tidak wajib taat dalam perintah maksiat, bahawasanya taat hanya wajib pada perintah yang baik."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ketika mengulas hadits ini, Imam al-Qurtubi menyatakan:

يَعْنَى بِالْمَعْرُوفِ هُنَا مَا لَيْسَ بِمُنْكَرٍ وَلَا مَعْصِيَةٍ، فَيَدْخُلُ فِيهَا الطَّاعَاتُ الْوَاجِبَةُ، وَالْمَنْدُوبُ إِلَيْهَا وَالْأُمُورُ الْجَائِزَةُ شَرْعًا فَلَوْ أَمَرَ بِجَائِزٍ لَصَارَتْ طَاعَتُهُ فِيهَا وَاجِبَةً، وَلَا حَلَّتْ مُخَالَفَتُهُ.

Maksudnya: “Apa yang dimaksudkan dengan makruf di sini ialah bukan sekadar mungkar dan apa yang dilarang, malah termasuklah di dalamnya amalan-amalan taat yang wajib dan sunat serta perkara yang harus pada hukum syarak. Jika pemerintah menyuruh melakukan perkara yang harus, maka taat kepada perintah tersebut menjadi wajib dan tidak halal mengingkarinya.”

(Riwayat al-Qurtubi)

Kedua: Hadith-hadith yang memerintahkan umat Islam supaya taat kepada pemerintah mereka, antaranya:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

Maksudnya: “Wajib ke atas setiap muslim dengar

dan taat kepada pemerintah sama ada pemerintah itu ia suka atau ia tidak suka, selama ia tidak diperintahkan untuk melakukan maksiat, maka apabila ia diperintahkan melakukan maksiat, janganlah ia dengar dan taat.”

(Riwayat Bukhari)

عَلَيْكَ السَّمْعَ وَالطَّاعَةَ فِي عُسْرِكَ وَيُسْرِكَ وَمَنْشَطِكَ
وَمَكْرَهِكَ وَأَثَرِهِ عَلَيْكَ.

Maksudnya: “Hendaklah kamu dengar dan taat kepada pemerintah dalam keadaan menyusahkan dan menyenangkan kamu, dalam keadaan kamu suka atau kamu tidak suka, dan dalam keadaan mereka membolot harta kekayaan dengan membelakangkan kamu.”

(Riwayat Muslim)

أَطِيعُوا أَمْرَاءَكُمْ مَهْمَا كَانَ فَإِنْ أَمَرُوكُمْ بِشَيْءٍ يَمَّا جِئْتَكُمْ بِهِ
فَإِنَّهُمْ يُؤْجِرُونَ عَلَيْهِ وَتُؤْجِرُونَ بِطَاعَتِهِمْ، وَإِنْ أَمَرُوكُمْ بِشَيْءٍ
يَمَّا لَمْ آتِكُمْ بِهِ فَإِنَّهُ عَلَيْهِمْ وَأَنْتُمْ مِنْهُ بَرَاءٌ.....

Maksudnya: “Taatlah kamu kepada pemerintah-pemerintah kamu bagaimana sekalipun keadaannya. Jika mereka memerintah kamu dengan perintah

yang sesuai dengan ajaranku maka mereka akan diberi pahala dan kamu juga akan diberi pahala kerana mentaati mereka. Jika mereka memerintah kamu dengan perintah yang tidak sesuai dengan ajaranku maka dosanya ditanggung oleh mereka, manakala kamu terselamat dari dosa berkenaan.”

(Riwayat al-Tabarani)

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ،
لَا نَسْأَلُكَ عَنْ طَاعَةِ مَنْ اتَّقَى ، وَلَكِنْ مَنْ فَعَلَ وَفَعَلَ -
فَذَكَرَ الشَّرَّ - فَقَالَ : اتَّقُوا اللَّهَ وَاسْمَعُوا وَأَطِيعُوا .

Maksudnya: “Daripada Ibn Hatim r.a. katanya, kami bertanya: “Wahai Rasulullah s.a.w., kami tidak bertanyakan kamu tentang taat kepada pemerintah yang bertakwa tetapi pemerintah yang melakukan itu dan ini - ia menyebut perkara-perkara yang buruk - lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Bertakwalah kamu kepada Allah S.W.T. dan dengar serta taatlah kamu kepada pemerintah.”

(Riwayat Ibn Abi Hatim)

Ketiga: Prinsip Sad Az-Zara'ie iaitu: “Membendung Punca Keburukan”, prinsip ini diterima oleh semua imam mazhab seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Mahmud Abu Zahrah dalam kitabnya “Usul Fiqh”:

هَذَا أَصْلٌ مِنَ الْأُصُولِ الَّتِي ذُكِرَتْهَا الْكُتُبُ الْمَالِكِيَّةُ وَالْكَتُبُ
 الْحَنَابِلِيَّةُ. أَمَّا كُتُبُ الْمَذَاهِبِ الْأُخْرَى فَإِنَّهَا لَمْ تَذْكُرْهَا بِهَذَا
 الْعُنْوَانِ، وَلَكِنْ مَا يَشْتَمِلُ عَلَيْهِ هَذَا الْبَابُ مُقَرَّرٌ فِي الْفِقْهِ
 الْحَنْفِيِّ وَالشَّافِعِيِّ عَلَى اخْتِلَافٍ فِي بَعْضِ أَقْسَامِهِ وَاتِّفَاقٍ
 فِي أُخْرَى.

Maksudnya: "Ini adalah satu daripada prinsip-prinsip yang disebut di dalam kitab-kitab mazhab Maliki dan Hambali. Manakala kitab-kitab lain tidak menyebutnya dengan menggunakan tajuk seperti ini, namun isi kandungan yang dibincangkan dalam bab ini diterima dalam fekah Hanafi dan Syafie sekalipun terdapat perbezaan pendapat dalam bahagian-bahagian tertentu dan persetujuan dalam bahagian-bahagian yang lain."

Syeikh Mutawalli Hammadah mentakrifkan Sad Az-Zara'ie sebagai:

مَنْعُ الْوَسَائِلِ الَّتِي تُؤَدِّي إِلَى فِعْلِ مُحَرَّمٍ، وَإِعْطَاءِ الطَّرِيقِ
 الْمُوصِلَةِ إِلَى فِعْلِ مُحَرَّمٍ حُكْمَهُ.

Maksudnya: "Menghalang sebarang wasilah atau punca yang membawa kepada perbuatan yang haram dan memberikan hukum haram kepada jalan-

jalan yang membawa kepada perbuatan tersebut.”

Dalil tentang kesahihan beramal dengan prinsip ini dari al-Quran, al-Sunnah serta amalan para sahabat begitu jelas disebut oleh para ulama dalam kitab-kitab mereka. Imam Ibn al-Qayyim dan kitabnya “*I’lam Mauqi’in*” telah menyebut sebanyak sembilan puluh sembilan dalil. Berikut dikemukakan sebahagian daripada dalil-dalil tersebut:

قَوْلُهُ تَعَالَى : لَا تَسْجُدُوا لِلَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُجُوا
اللَّهُ عُدُوًّا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَحَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى سَبَّ آلِهَةِ الْمُشْرِكِينَ
مَعَ كَوْنِهِ غَيْظًا وَحَمِيَّةً لِلَّهِ وَإِهَانَةً لِآلِهَتِهِمْ - لِكُونِهِ
ذَرِيعَةً إِلَى سَبِّهِمْ اللَّهُ تَعَالَى - وَهَذَا كَالْتَنْبِيهِ بَلْ كَالْتَضْرِيحِ
عَلَى الْمَنْعِ مِنَ الْجَائِزِ لِئَلَّا يَكُونَ سَبَبًا فِي فِعْلِ مَا لَا يَجُوزُ.

Maksudnya: “Firman Allah S.W.T.: “Dan janganlah kamu memaki tuhan-tuhan yang mereka sembah selain Allah S.W.T. kerana mereka nanti akan memaki Allah S.W.T. dengan melampaui batas tanpa diketahui. Allah S.W.T. (dalam ayat ini) telah mengharamkan perbuatan memaki tuhan sembah kaum Musyrikin - padahal memaki berhala itu menunjukkan tanda marah dan semangat yang kuat untuk membela agama dan sebagai

penghinaan kepada tuhan mereka - kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan mereka memaki Allah S.W.T. ... Ini seolah-olah suatu petunjuk, malah suatu kenyataan yang terang berkenaan prinsip melarang sesuatu yang harus supaya ia tidak menjadi sebab bagi berlakunya perbuatan yang haram."

نَهَى ﷺ عَنْ قِتَالِ الْأَمْرَاءِ وَالْحُرُوجِ عَلَى الْأَيْمَةِ - وَإِنْ
ظَلَمُوا وَجَارُوا - مَا أَقَامُوا الصَّلَاةَ، سَدًّا لِذَرِيعَةِ الْفَسَادِ
الْعَظِيمِ وَالشَّرِّ الْكَثِيرِ بِقِتَالِهِمْ... قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ:
إِذَا بُوِيعَ لِخَلَيفَتَيْنِ فَأَقْتُلُوا الْأَجْرَ مِنْهُمَا، سَدًّا لِذَرِيعَةِ الْفِتْنَةِ.

Maksudnya: "Rasulullah s.a.w. melarang umat Islam daripada memerangi pemerintah dan melakukan penderhakaan terhadap mereka, sekalipun mereka melakukan kezaliman dan kefasikan selagi mereka mendirikan sembahyang. Ini bertujuan menutup pintu yang membawa kepada kerosakan yang lebih besar dan keburukan yang lebih banyak dengan melancarkan perang terhadap mereka. Sabda Rasulullah s.a.w.: "Apabila dilantik dua ketua negara, maka hendaklah dibunuh yang terkemudian perlantikannya. Ini bertujuan menutup jalan-jalan yang membawa kepada kekacauan."

إِنَّ حُدَيْفَةَ تَزَوَّجَ يَهُودِيَّةً فَكَتَبَ إِلَيْهِ عُمَرُ : حَلِّ سَبِيلَهَا .
 فَكَتَبَ إِلَيْهِ حُدَيْفَةُ : أَتَزْعُمُ أَنَّهَا حَرَامٌ فَأُحِلِّي سَبِيلَهَا؟ فَقَالَ :
 لَا أَزْعُمُ أَنَّهَا حَرَامٌ ، وَلَكِنِّي أَخَافُ أَنْ تَعَاطُوا الْمُؤْمِسَاتِ
 مِنْهُنَّ . وَفِي رِوَايَةٍ : إِنِّي أَخْشَى أَنْ تَدْعُوا الْمُسْلِمَاتِ وَتَنكِحُوا
 الْمُؤْمِسَاتِ . قَالَ ابْنُ كَثِيرٍ : وَهَذَا إِسْنَادٌ صَحِيحٌ . فَأَلْفَازُوقُ
 إِذَا لَمْ يَرَ التَّزْوِجَ بِالْكِتَابِيَّاتِ حَرَامٌ ، وَلَكِنَّهُ كَرِهَ لِلْمُسْلِمِينَ
 أَنْ يَتَزَوَّجُوا بِهِنَّ خَوْفًا مِنَ الْعَوَاقِبِ الْوَحِيمَةِ ... فَمَنَعَ ذَلِكَ
 سَدًّا لِلذَّرِيعَةِ .

Maksudnya: “Sesungguhnya Huzaiifah telah berkahwin dengan seorang perempuan Yahudi, lalu Saiyidina Umar r.a. telah menulis surat kepadanya supaya dia menceraikan perempuan tersebut. Huzaiifah menulis surat kepada Saiyidina Umar r.a. menanyakan: “Adakah engkau berpendapat ia haram dan saya perlu menceraikannya? Saiyidina Umar r.a. menjawab: “Aku tidak menyatakan ia haram tetapi aku bimbang perempuan yang engkau kahwini itu dari kalangan pelacur.” Satu riwayat lain menyebut: “Aku bimbang kamu akan tinggalkan perempuan-perempuan Islam dan berkahwin dengan pelacur dari kalangan ahli kitab.” Menurut Ibn Khathir, riwayat ini sahih sanadnya.

Saiyidina Umar r.a. tidak mengatakan berkahwin dengan perempuan ahli kitab itu haram, tetapi baginda bimbang timbul kesan-kesan buruk daripadanya... Maka beliau melarang perbuatan tersebut atas dasar Sad Az-Zara'ie."

Dalam melaksanakan prinsip Sad Az-Zara'ie ini, niat seseorang atau sesuatu kumpulan itu tidak menjadi perkara utama yang diambil kira tetapi natijah atau hasil daripada sesuatu tindakan itu yang menjadi faktor penentu. Ketika mengulas ayat 108 daripada surah al-An'am, Dr. Wabbah Az-Zuhaili menyatakan:

وَيُسْتَدَلُّ مِنْهُ أَنَّ الْمَنْعَ فِيْمَا يُودَى إِلَى الْإِثْمِ لَا يَتَّجِهُ فِيهِ
إِلَى النِّيَّةِ فَقَطْ، بَلْ إِلَى النَّيْجَةِ الْمُشْمِرَةِ أَيْضًا، فَلَأَصِلُ فِي
إِعْتِبَارِ الذَّرَائِعِ هُوَ النَّظَرُ إِلَى مَالَاتِ الْأَفْعَالِ، فَيَأْخُذُ الْفِعْلُ
حُكْمًا يَتَّفِقُ مَعَ مَا يُؤَوَّلُ سِوَاءَ قَضْدِهِ أَمْ لَمْ يَقْضُدْهُ.

Maksudnya: "Daripada ayat ini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa larangan terhadap perkara yang boleh menimbulkan sesuatu yang dilarang oleh syarak itu tidak ditumpukan kepada niat orang yang melakukannya sahaja, tetapi juga kepada natijah perbuatan tersebut. Oleh itu, perkara pokok dalam melaksanakan prinsip Sad Az-Zara'ie ini ialah melihat kepada natijah sesuatu perbuatan,

dengan erti kata: Hukum sesuatu perbuatan itu ditentukan berdasarkan natijah yang akan terbit daripadanya, sama ada natijah tersebut dimaksudkan oleh pelakunya atau tidak.”

Daripada perbincangan-perbincangan yang terdapat dalam bab ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa: “Waliyul Amri” atau pemerintah di bawah berbagai-bagai kaedah “Siasah Syar’iyyah”, “Sad Az- Zara’ie” dan lain-lain boleh menjalankan berbagai-bagai polisi demi memelihara kepentingan umum. Inilah pandangan para ulama fekah seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Mustafa Az Zarqa’.

إِنَّ الْفُقَهَاءَ قَدْ إِعْتَبَرُوا أَوْامِرَ السُّلْطَانِ - وَوَلِيَّ الْأَمْرِ - مَرْعِيَّةً
نَافِذَةً شَرْعًا، وَلَوْ كَانَتْ تَنْتَضِمُنُ تَقْيِيدَ مُطْلَقٍ، أَوْ مَنَعَ جَائِزٍ
فِي الْأَصْلِ، أَوْ تَرْجِيحَ رَأْيٍ فِقْهِيٍّ مَرْجُوحٍ - مَا دَامَتْ
تَسْتَبِيدُ إِلَى مَضْلَحَةٍ يَرْجِعُ إِلَى وَوَلِيِّ الْأَمْرِ تَقْدِيرُهَا بِحَسَبِ
قَاعِدَةِ الْمَصَالِحِ الْمُرْسَلَةِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya para fuqaha berpendapat bahawa perintah-perintah sultan iaitu pemerintah adalah wajib diterima di sisi syarak dan dilaksanakan sekalipun ia berupa menyempitkan tafsiran bagi perkataan yang luas sifat liputannya atau menerima pendapat yang tidak kuat dalam

masalah-masalah hukum yang para ulama berbeza pendapat tentangnya selama mana perintah-perintah berasaskan kepada kepentingan umum, yang penentuannya terpulang kepada ijtihad pemerintah sendiri sesuai dengan satu prinsip dalam usul fiqh yang dikenali dengan 'al-Masalih al-Mursalah'."

Dalam perkara-perkara yang tidak jelas faedahnya juga, keputusan pemerintah wajib ditaati, seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Kasani:

وَلَوْ أَمَرَ الْإِمَامُ بِشَيْءٍ لَا يَدْرُونَ أَيُّ شَيْءٍ بِهِ أَمَرَ، فَتَبَيَّنَ
لَهُمْ أَنْ يُطِيعُوهُ فِيهِ إِذَا لَمْ يَعْلَمُوا كَوْنَهُ مَعْصِيَةً، لِأَنَّ إِتْبَاعَ
الْإِمَامِ فِي مَوَاضِعِ الْإِجْتِهَادِ وَاجِبٌ.

Maksudnya: "Jika sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh ketua negara itu tidak diketahui oleh orang ramai sama ada berfaedah atau tidak, maka wajib bagi mereka mematuhiya jika tidak diketahui dengan nyata bahawa apa yang diperintahkan itu adalah suatu perbuatan maksiat, kerana mematuhi ketua negara dalam perkara-perkara yang diputuskan melalui ijtihad adalah wajib."

MELIHAT PELAKSANAAN SIAASAH SYAR- 'IYYAH DALAM BEBERAPA ISU SEMASA

Pertama: Penggunaan perkataan “Islam” sebagai nama bagi pertubuhan politik

Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi ketika menafsirkan firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang diredhai) Allah S.W.T. hanya Islam.”

(Surah ali-Imran: 19)

Beliau menyatakan:

وَالْإِسْلَامُ يَأْتِي بِمَعْنَى الْخُضُوعِ وَالْإِسْتِشْلَامِ، وَبِمَعْنَى الْأَدَاءِ...
وَبِمَعْنَى الدُّخُولِ فِي السُّلْمِ أَيْ الصُّلْحِ وَالسَّلَامَةِ. وَتَسْمِيَةُ
الدِّينِ الْحَقِّ إِسْلَامًا يُنَاسِبُ هَذِهِ الْمَعَانِي كُلَّهَا.

Maksudnya: “Perkataan Islam dalam bahasa Arab membawa makna ‘tunduk’ dan ‘menyerah’ serta juga membawa makna ‘menunaikan’. Islam juga membawa makna masuk ke dalam ‘kedamaian dan keselamatan’. Penamaan agama yang benar ini sebagai Islam adalah bersesuaian dengan makna di atas.”

Daripada huraian yang dibuat oleh Syeikh al-Maraghi ini maka dapat disimpulkan bahawa perkataan Islam yang pada asalnya mempunyai beberapa pengertian dalam bahasa Arab, telah dipilih oleh Allah S.W.T. untuk dijadikan nama kepada 'Al-Din' atau agama yang diredhai oleh-Nya untuk umat manusia pada sepanjang zaman. Ini membawa makna perkataan Islam dari segi istilah syarak telah menjadi lambang kepada syariat atau ajaran Allah S.W.T. seperti yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah yang antara ciri khususnya ialah:

1. Ia adalah kebenaran mutlak tanpa sebarang keraguan padanya: "Tidak datang padanya (al-Quran) kebatilan baik dari depan atau dari belakangnya."

لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ۗ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ

حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: "Tidak datang padanya (al-Quran) kebatilan (kepalsuan), baik dari depan atau belakangnya, itulah wahyu yang turun dari Tuhan yang Bijaksana dan Terpuji."

(Surah al-Fussilat: 42)

2. Ia merupakan satu-satunya ajaran yang diredhai dan diterima oleh Allah S.W.T. untuk dijadikan pegangan oleh setiap mukallaf. Firman Allah S.W.T.:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَمَّمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: "Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan telah Aku lengkapkan kepada kamu nikmat-Ku dan telah Aku redhai Islam itu jadi agama bagi kamu."

(Surah al-Ma'idah: 3)

Daripada keterangan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perkataan Islam dengan pengertiannya di sisi syarak atau sebagai hakikat syar'iyah tidak boleh digunakan pada sesuatu yang lain dari agama Allah S.W.T., kerana yang demikian itu membawa makna:

- Bahawa ajaran yang lain itu juga merupakan suatu kebenaran mutlak.
- Bahawa ajaran yang lain itu juga diterima oleh Allah S.W.T. untuk menjadi pegangan dan panduan umat manusia.

Penggunaan seperti ini (dengan pengertian di sisi syarak) jelas bertentangan dengan keterangan-keterangan al-Quran dalam ayat-ayat yang dikemukakan tadi dan menjurus kepada syarak kerana yang demikian itu membawa makna menyamakan ajaran Allah S.W.T. dengan yang lain daripada ajaran-Nya.

Maka bagi menghuraikan persoalan penggunaan

perkataan Islam pada parti politik, kita perlu melihat kepada dua konteks. Pertama, dalam konteks pengertian bahasa atau dari segi hakikat lughawiyah. Kedua, dalam konteks pengertian syarak atau dari segi hakikat syar'iyah.

Dalam konteks yang pertama, perkataan ini dalam bahasa Arab mempunyai pengertian seperti yang disebutkan dan penggunaannya tidak bercanggah dengan sebarang nas syarak. Penggunaannya sebagai nama kepada sebuah pertubuhan politik adalah harus hukumnya, berasaskan kaedah fekah yang berbunyi:

الأصلُ في الأشياء الإباحةُ

Maksudnya: "Hukum asal bagi semua perkara adalah harus."

Berhubung penggunaannya dalam konteks yang kedua, kita perlu melihat sama ada penggunaannya mengikut pengertian syarak tanpa sebarang takwil atau disertai dengan sebarang takwil yang sesuai. Jika disertai dengan sebarang takwil, maka seperti yang disebutkan sebelum ini adalah tidak harus kerana ia membawa erti menyamakan agama Allah S.W.T. yang mutlak kebenarannya dengan sesuatu yang lain. Tetapi jika digunakan dengan disertai takwil yang sesuai maka hukumnya adalah harus.

Dalam konteks tajuk yang dibincangkan iaitu "Parti Islam", maka takwil yang sesuai ialah ia merupakan satu

kependekan daripada satu nama yang panjang: “Kumpulan Orang Yang Menganut Agama Islam”, dalam bahasa Arab boleh diterjemahkan sebagai “*Hizbul Muslimin*” atau “*al-Hizbul al-Islami.*” Kependekan daripada sesuatu kepanjangan seperti ini merupakan perkara yang lumrah penggunaannya dalam bahasa, misalnya apabila kita menyebut ‘Bank Islam’, maka ia bermakna: bank yang segala perjalanannya sesuai dengan kehendak Islam.

Daripada huraian-huraian ini maka dapat disimpulkan bahawa penggunaan perkataan “Islam” sebagai nama pertubuhan politik adalah harus hukumnya, kecuali digunakan mengikut pengertian syarak tanpa sebarang takwil yang sesuai.

Hak Pemerintah Dalam Menghadkan Penggunaan Perkara Yang Harus

Pemerintah mempunyai hak untuk mengenakan larangan terhadap perkara-perkara yang harus demi menjaga maslahat dan kepentingan umum. Apabila larangan dilaksanakan, maka wajib ke atas umat mentaatinya dan haram bagi mereka mengingkarinya seperti yang dinyatakan oleh al- Syaikh Khalid bin Ali al-Anbari:

وَتَجِبُ طَاعَةُ الْحَاكِمِ الْمُسْلِمِ إِذَا قَيَّدَ الْمُبْتَاحَ مِنَ الْأَمْرِ،

وَرَأَى فِي ذَلِكَ مَصْلَحَةً، فَقَدْ مَنَعَ عَمْرُ خُرُوجَ أَكْبَارِ الصَّحَابَةِ
مِنَ الْمَدِينَةِ النَّبَوِيَّةِ، وَأَمَرَ عُثْمَانَ أَبَا ذَرٍّ أَنْ يُخْرَجَ مِنَ الشَّامِ
وَيَقْطَنَ الْمَدِينَةَ.

Maksudnya: “Wajib taat kepada pemerintah Islam apabila ia menghadkan penggunaan perkara yang harus, yang pada pandangannya larangan tersebut demi kepentingan umum. Sesungguhnya Saiyidina Umar r.a. pernah mengeluarkan larangan terhadap para sahabat yang utama supaya tidak meninggalkan Madinah. Demikian juga Saiyidina Uthman r.a. pernah memerintahkan Abu Zar supaya keluar dari negeri Syam dan menetap di Madinah.”

Kedua: Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bantahan yang dilancarkan oleh sesetengah pihak terhadap akta ini atas nama Islam adalah hasil daripada kegagalan mereka dalam memahami perbezaan dan fungsi antara dua kuasa, iaitu: kuasa eksekutif (As-Sultah At-Tanfiziah) dan kuasa perundangan (As-Sultah al-Qada'iah). Kedua-dua bidang ini mempunyai bidang kuasa dan pendekatan yang berbeza dalam menjalankan fungsi masing-masing disebabkan peranan dan tanggungjawab yang berbeza. Para ulama yang membicarakan berkenaan sistem politik Islam atau “as-Siasah as-Syariyyah” telah menghuraikan peranan serta

bidang kuasa ketua negara dalam menjalankan tugasnya. Al-Imam a-Qarafi menyatakan:

هُوَ الَّذِي قَوِّمَتْ لَهُ السِّيَاسَةُ الْعَامَّةُ فِي الْخَلَائِقِ، وَضَبَطَ
مُعَاقِدَ الْمَصَالِحِ وَدَزَّءَ الْمَفَاسِدِ وَقَمَعَ الْجَنَاحَ وَقَتَلَ الطَّغَاةَ
وَتَوَطَّيْنَ الْعِبَادِ فِي الْبِلَادِ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ بِمَا هُوَ مِنْ هَذَا الْجِنْسِ.

Maksudnya: "Pemerintah adalah orang yang diserahkan kepadanya mentadbir seluruh urusan rakyat, menjaga kepentingan umum dan membanteras segala yang merosakkan, mengekang penjenayah, membunuh penderhaka dan menguruskan penempatan rakyat dalam negara dan perkara-perkara lain yang seumpama dengannya."

Al-Imam al-Juwaini menyatakan bahawa antara tanggungjawab pemerintah ialah:

حِفْظُ الدِّينِ بِأَقْصَى الْوَسْعِ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَدَفْعُ شُبُهَاتِ
الزَّائِفِينَ وَعِلَاجُ الْبِدْعَةِ وَالْمُبْتَدِعَةِ.

Maksudnya: "Memelihara akidah dan amalan agama umat Islam sejauh yang boleh dilakukan, menghapus kekeliruan yang dibawa oleh penyeleweng agama, membanteras amalan bidaah serta penganjur-penganjurnya."

Daripada dua huraian yang dibuat oleh dua orang ulama ini dapatlah disimpulkan bahawa tanggung-jawab pemerintah dalam Islam begitu besar dan luas. Ia merangkumi kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengan kehidupan dunia dan agama seperti keamanan negara, keselamatan nyawa dan harta benda penduduk serta kebajikan mereka, keselamatan akidah serta kemudahan menunaikan perintah agama. Bagi melaksanakan tanggungjawab yang besar ini, ketua negara sudah tentu mempunyai bidang kuasa yang diperlukan tanpa diikat oleh prosedur-prosedur ketat seperti dalam bidang kehakiman. Menjelaskan hal ini, Imam al-Qarafi menyatakan:

لِلْإِمَامِ أَنْ يَقْضِيَ وَأَنْ يُفْتَى وَأَنْ يَفْعَلَ مَا لَيْسَ بِفُتْيَا وَلَا قَضَاءَ،
 كَجَمْعِ الْجَيْوشِ، وَإِنْشَاءِ الْحُرُوبِ، وَحُوزِ الْأَمْوَالِ وَصَرْفِهَا
 فِي مَصَارِفِهَا، وَتَوَلِيَةِ الْوَلَاةِ، وَقَتْلِ الطُّغَاةِ وَهِيَ أُمُورٌ كَثِيرَةٌ
 تَحْتَصِرُ بِهِ وَلَا يُشَارِكُهُ فِيهَا الْقَاضِي وَلَا الْمُفْتَى...

Maksudnya: "Ketua negara mempunyai kuasa kehakiman dan kuasa mengeluarkan fatwa. Ia juga boleh melakukan perkara-perkara yang tidak bersifat fatwa dan kehakiman seperti menghimpun tentera, mengisytihar peperangan, memungut hasil dan membelanjakannya pada tempat yang betul, melantik pegawai-pegawai, membunuh penderhaka,

iaitu tugas yang banyak dan tidak boleh dilakukan oleh hakim dan juga mufti.”

Antara bidang kuasa yang menjadi tanggungjawab ketua negara ialah kuasa hisbah. Ini merangkumi tanggungjawab mengeluarkan perintah dan peraturan yang bertujuan menjaga kepentingan umum, menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan negara, ketenteraman awam, ekonomi, pengangkutan, perusahaan dan sebagainya.

Menjelaskan kuasa hisbah ini, Ibn al-Qayyim dalam kitabnya “*at-Thuru al-Hukmiyah*” menyatakan:

وَالْمَقْصُودُ : أَنَّ هَذِهِ الْأَحْكَامَ شَرْعِيَّةٌ : لَهَا طُرُقٌ شَرْعِيَّةٌ
لَا تُبْتَمُّ مَصْلَحَةُ الْأُمَّةِ إِلَّا بِهَا، وَلَا تَتَوَقَّفُ عَلَى مُدَّعٍ وَمُدَّعَى
عَلَيْهِ، بَلْ لَوْ تَوَقَّفَتْ عَلَى ذَلِكَ : فَسَدَّتْ مَصَالِحُ الْأُمَّةِ،
وَاجْتَلَّتِ النَّظَامُ، بَلْ يَحْكُمُ فِيهَا مُتَوَلَّى ذَلِكَ بِالْأَمَارَاتِ
وَالْعَلَامَاتِ الظَّاهِرَةِ وَالْقَرَائِنِ الْبَيِّنَةِ.

Maksudnya: “Bahawa hukum-hukum yang dijalankan di bawah kuasa hisbah adalah merupakan hukum-hukum syarak. Hukum-hukum tersebut mempunyai kaedah-kaedah pelaksanaan di sisi syarak. Kepentingan umat mungkin tidak dapat dijaga dengan sempurna tanpanya. Pelaksanaan

seperti ini tidak memerlukan pendakwa dan orang yang didakwa. Jika prosedur sedemikian diikuti, maka kepentingan umat akan musnah dan sistem pemerintahan akan menjadi kucar-kacir. Pihak berkuasa boleh menjalankan kuasa ini berasaskan petanda-petanda dan alamat-alamat yang jelas serta hubungkait yang boleh dijadikan keterangan (Circumastantial evidence).”

Maka di bawah kuasa hisbah ini, pemerintah dalam Islam boleh menahan seseorang tanpa bicara atas sebab kepentingan umum dan keselamatan negara. Menghuraikan persoalan ini, Dr. Saud bin Said ad-Duraib dalam kitabnya “*at-Tanzim al-Qada' fi al-Mamlakah as-Saudiyyah*” menyatakan:

فَالْحَاكِمُ يَوْضِفُ الْإِمَامَةَ لَهُ أَنْ يَأْمُرَ بِحَبْسِ الْأَمْوَالِ أَوْ
 صَرْفِهَا، وَلَهُ أَنْ يَعْزَلَ مَنْ يَخْشَى عَلَى الْجَمَاعَةِ فِتْنَتَهُ. كَمَا
 فَعَلَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَعَ صَبِيْعِ بْنِ عَسَلِ بْنِ التَّمِيْمِيِّ عِنْدَ
 مَا عَزَلَهُ عَنِ النَّاسِ لِمَا أَرَادَ تَشْكِيْلَهُمْ فِي أَمْرِ الْقُرْآنِ، وَلَهُ
 أَنْ يَخْبِسَ أَوْ يَنْفِي مَنْ يَرَى فِيهِ ضَرْرًا عَلَى الْمُجْتَمَعِ.

Maksudnya: “Seseorang ketua negara dengan kuasa eksekutifnya boleh mengeluarkan perintah membekukan harta atau membelanjakannya. Ia

juga boleh mengasingkan (memenjara atau memencilkan) orang yang boleh menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat seperti yang dilakukan oleh Saiyidina Umar r.a. terhadap Sobiq bin Asal kerana usahanya mengelirukan orang ramai tentang al-Quran. Pemerintah juga boleh menahan dan membuang daerah sesiapa yang pada pandangannya boleh memudaratkan masyarakat.”

Para imam mazhab telah membincangkan persoalan ini dalam kitab-kitab mereka seperti yang disebut oleh as-Syathibi dalam kitabnya “al-I’tisom”:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ اخْتَلَفُوا فِي الضَّرْبِ بِالثَّهْمِ. وَذَهَبَ مَالِكٌ إِلَى جَوَازِ السُّجْنِ فِي الثَّهْمِ، وَإِنْ كَانَ السُّجْنُ نَوْعًا مِنَ الْعَذَابِ، وَنَصَّ أَصْحَابُهُ عَلَى جَوَازِ الضَّرْبِ، وَهُوَ عِنْدَ الشُّيُوخِ مِنْ قَبِيلِ تَضْمِينِ الصَّنَاعِ، فَإِنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنِ الضَّرْبُ وَالسُّجْنُ بِالثَّهْمِ لَتَعَدَّرَ اسْتِخْلَاصُ الْأَمْوَالِ مِنْ أَيْدِي السَّرَاقِ وَالْغُصَّابِ، إِذْ قَدْ يَتَعَدَّرُ إِقَامَةُ الْبَيْتَةِ فَكَانَتِ الْمَصْلَحَةُ فِي التَّغْذِيَةِ وَسَبِيلَةً إِلَى التَّحْصِيلِ بِالتَّغْيِينِ وَالْإِفْرَارِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya para ulama berbeza pendapat tentang keharusan memukul tertuduh dengan tuduhan jenayah. Imam Malik r.a.

berpendapat harus memenjarakan seseorang yang dituduh melakukan jenayah sekalipun pemenjaraan itu merupakan sejenis penyeksaan, malah sebahagian ulama Maliki berpendapat bahawa pukul juga harus. Hukum ini pada pandangan ulama Maliki samalah dengan hukum yang menetapkan supaya tukang yang mengambil upah perlu menggantikan bahan yang diserahkan kepadanya oleh pelanggan (jika rosak atau hilang), kerana tanpa pukul dan penjara ketika ada tuduhan yang kuat, tidak mungkin dapat dikembalikan harta daripada tangan pencuri dan perompak. Ini memandangkan bukti keterangan kadang-kadang sukar diadakan. Maka terdapat kepentingan umum untuk mengenakan seksaan terhadap tertuduh sebagai cara mendapatkan kembali harta yang dicuri dengan menunjukkan harta tersebut disembunyikan dan membuat pengakuan.”

As-Syathibi seterusnya menolak anggapan bahawa undang-undang seperti ini boleh membuka pintu penyeksaan kepada orang yang tidak bersalah dengan katanya:

فَإِنْ قِيلَ: هَذَا فَتْحُ بَابِ لِتَعْذِيبِ الْبَرِيءِ، قِيلَ: فَفِي الْإِعْرَاضِ
عَنْهُ إِنْطَالُ اسْتِزْجَاعِ الْأَمْوَالِ. بَلِ الْإِضْرَابُ عَنِ التَّعْذِيبِ
أَشَدُّ ضَرَارًا، إِذْ لَا تُعَذَّبُ أَحَدٌ لِمُجَرَّدِ الدَّعْوَى، بَلْ مَعَ
اقتِرَانِ قَرِينَةٍ تَحِيكُ فِي النَّفْسِ وَتُؤَثِّرُ فِي الْقَلْبِ نَوْعًا مِّنْ

الظَّنُّ. فَالتَّعْذِيبُ فِي الْعَالِبِ لَا يُصَادِفُ الْبَرِيءَ، وَإِنْ أُمِّكَنْ
مُصَادِفَتُهُ فَتُعْتَفَرُ كَمَا أُعْتَفِرْتُ فِي تَضْمِينِ الصَّنَاعِ.

Maksudnya: "Jika dikatakan: Ini membuka ruang bagi menyiksa orang yang tidak bersalah." Jawabannya ialah: "Tanpa berbuat demikian harta benda tidak dapat dikembalikan kepada pemiliknya. Malah tidak melaksanakan seksaan seperti itu lebih besar mudaratnya. Sebenarnya seseorang itu tidak disiksa dengan wujudnya dakwaan semata-mata, sebaliknya perlu disertai dengan petanda-petanda (karinah) yang kuat dalam diri hingga menimbulkan sangkaan yang kuat di dalam hati. Jadi seksaan pada lazimnya tidak menimpa orang yang tidak bersalah dan jika pun terkena, ia dimaafkan seperti dimaafkan pada hukum mewajibkan ganti ke atas tukang-tukang yang merosakkan barang pelanggan."

Al-Mawardi dalam kitabnya "al-Ahkam as-Sultaniyah" menyatakan bahawa tindakan yang sedemikian hanyalah boleh diambil oleh 'Amir' iaitu kuasa eksekutif. Manakala 'Qadi' atau hakim hanya boleh mengenakan hukuman seksaan setelah disabit tuduhan dalam perbicaraan di mahkamah mengikut prosedur keterangan yang ditetapkan oleh undang-undang.

Adalah jelas daripada perbincangan para ulama ini,

jika penahanan tanpa bicara diharuskan dalam kes harta benda, maka dalam kes-kes yang membabitkan keamanan dan keselamatan negara adalah lebih utama tindakan sedemikian diharuskan. Malah jika pemerintah berpendapat bahawa tanpa penggunaan ISA, keamanan dan keselamatan negara akan terjejas, maka pada ketika itu penggunaannya adalah wajib. Ini ialah berasaskan satu kaedah usul fekah yang berbunyi: "Apa-apa perkara yang tidak sempurna perkara yang wajib melainkan dengannya, maka perkara itu adalah wajib."

Ketiga: Amanat Haji Abdul Hadi Awang.

Antara kandungan Amanat Haji Hadi menyebut:

Kita tidak payah masuk Yahudi,
Kita tidak payah masuk Kristian,
Kita tidak payah masuk Hindu,
Kita tidak payah masuk Buddha,
tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan: politik
suku, agama suku."

Amanat ini sebenarnya berbentuk fatwa kerana yang dimaksudkan dengan fatwa ialah:

الْإِخْتِيارُ بِحُكْمِ اللَّهِ تَعَالَى عَنْ دَلِيلٍ فِي أَمْرٍ نَازِلٍ.

Maksudnya: "Memberitahu hukum Allah S.W.T. berasaskan dalil dalam sesuatu perkara yang berlaku."

Menurut Ibn al-Qaiyim, fatwa tanpa berpandu kepada ilmu merupakan dosa yang paling besar dalam Islam. Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ أَفْتَى بِغَيْرِ عِلْمٍ لَعَنَتْهُ مَلَائِكَةُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ.

Maksudnya: "Sesiapa yang memberi fatwa tanpa berpandu kepada ilmu, ia dilaknat oleh malaikat di langit dan di bumi."

(Riwayat Ibn Asakir)

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya: "Sesiapa yang memperkatakan tentang (hukum) yang terdapat dalam al-Quran tanpa berpandukan kepada ilmu, maka hendaklah ia bersedia mengambil tempatnya dalam neraka."

(Riwayat al-Tirmizi)

أَجْرُكُمْ عَلَى الْفُتْيَا أَجْرُكُمْ عَلَى النَّارِ.

Maksudnya: "Orang yang berani memberi fatwa dari kalangan kamu, dialah yang paling berani mengharung api neraka."

(Riwayat ad-Darami)

Berdasarkan peringatan-peringatan ini, para ulama

salaf amat takut dan sangat berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Imam Malik berkata: "Sesiapa yang ditanya tentang sesuatu masalah hukum, sebelum memberi jawapan maka perlulah terlebih dahulu ia memperingatkan dirinya bahawa fatwanya itu akan menentukan nasibnya sama ada ke syurga atau neraka."

Jika fatwa tentang halal dan haram begitu besar dan penting kedudukannya, maka fatwa tentang akidah yang membabitkan hukum kufur terhadap muslim yang lain lebih besar bahayanya:

إِذَا كَفَّرَ الرَّجُلُ أَتَاهُ فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا.

Maksudnya: "Apabila seseorang muslim meng-kafirkan muslim yang lain, maka salah seorang daripadanya menjadi kafir."

(Riwayat Muslim)

Dalam fatwa Haji Hadi ini, jelas menghukumkan kafir dengan mengatakan "politik suku, agama suku."

Sebelum mengulas lebih lanjut kata-kata tersebut, terlebih dahulu diperturunkan perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang menjadi murtad seperti yang dihuraikan oleh para ulama. Kitab "Fathul Muin" menyatakan bahawa perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang menjadi murtad ialah:

1. Berazam menjadi kafir. Dengan berazam sahaja, seseorang muslim dengan serta merta menjadi murtad.

2. Melafazkan perkataan yang membawa kepada kufur, seperti menafikan kewujudan Allah S.W.T. atau mengatakan Allah S.W.T. terdiri daripada tiga anasir.
3. Melakukan perbuatan yang membawa kepada kufur, seperti sujud kepada berhala walaupun tanpa niat menyembah berhala.

Syeikh Zainuddin al-Malabari menyebut syarat-syarat perkara tersebut boleh menyebabkan kekufuran, iaitu: disertai dengan iktikad, atau menunjukkan kedegilan (inad), atau mempersendakan. Maka tidak boleh dihukum kufur jika terdapat tanda-tanda yang perbuatan tersebut dilakukan dengan tidak sengaja seperti terlanjur cakap, menceritakan kata-kata kufur yang diucap oleh orang lain atau dilakukan secara terpaksa.

Syeikh Zainuddin seterusnya menyebut beberapa contoh perkara yang boleh membawa kepada kutur, antaranya:

وَجَحَدَ مُجْمَعٌ عَلَيْهِ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ مِنْ غَيْرِ تَأْوِيلٍ
 وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ نَصٌّ، كَوُجُوبِ نَحْوِ الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَةِ،
 وَتَحْلِيلِ نَحْوِ الْبَيْعِ وَالنِّكَاحِ، وَتَحْرِيمِ شُرْبِ الْخَمْرِ وَاللُّوَاطِ
 وَالزُّنَا...

Maksudnya: "Mengingkari hukum yang diijmak

(sepakati) oleh ulama yang mudah diketahui oleh semua orang tanpa perlu menggunakan dalil atau tanpa sebarang takwil sekalipun tiada nas, seperti wajib sembahyang lima waktu, halal jual beli dan nikah serta haram arak, liwat dan zina.”

As-Sayyed al-Bakri menghuraikan makna yang dimaksudkan dengan istilah:

(مَعْلُومٌ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ) : أَي مَعْلُومٌ مِنْ أَدِلَّةِ دِينِنَا
عَلَّمَا يَشْبَهُ الضَّرُورِيَّ الَّذِي لَا يَحْتَاجُ إِلَى نَظَرٍ وَاسْتِدْلَالٍ
بِحَيْثُ اسْتَوَى فِي مَعْرِفَةِ الْعَامَّةِ وَالْخَاصَّةِ.

Maksudnya: “Maalum minaddin bi ad darurah’ ialah hukum yang diketahui daripada dalil-dalil sedia ada dalam agama kita yang pengetahuan tentangnya begitu nyata tanpa perlu apa-apa kajian atau penggunaan dalil, hingga pengetahuan tentangnya diketahui oleh semua peringkat, sama ada orang awam atau orang alim.”

Daripada huraian-huraian ini, ternyata bahawa menghukum seseorang muslim sebagai kafir bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan penelitian yang mendalam serta mengambil kira berbagai-bagai segi seperti niatnya, kemungkinan-kemungkinan tatsiran yang tidak membawa kepada kekufuran dan seterusnya. Oleh yang demikian, kitab “Fathul Muin” mengingatkan:

(تَنْبِيْهِ) يَنْبَغِي لِلْمُفْتَى أَنْ يَحْتَاظَ فِي التَّكْفِيْرِ مَا أَمَكَّنَهُ لِعَظْمِ
 خَطْرِهِ وَغَلَبَةِ عَدَمِ قَصْدِهِ سِيَّمَا مِنَ الْعَوَامِّ، وَمَا زَالَ أَيْمُنُنَا
 عَلَى قَدِيمِنَا وَحَدِيثِنَا.

Maksudnya: "(Peringatan): Wajib bagi seseorang yang mengeluarkan fatwa bercermat dalam mengkafirkan seseorang muslim sejauh yang mungkin kerana sangat besar bahayanya, dan kerana pada kebiasaannya tidak wujud niat kufur pada perkataan yang dilafazkan itu, lebih-lebih lagi di kalangan orang awam. Para ulama kita dahulu dan kini sentiasa berpegang dengan kaedah bercermat ini."

Inilah dia pandangan berasaskan kepada ilmu dalam soal fatwa, khususnya yang berkaitan dengan menghukum kafir atau murtad ke atas seseorang muslim kerana sifat Islam seseorang muslim itu adalah sesuatu yang bertaraf yakin. Keyakinan ini tidak boleh dihapuskan melainkan dengan satu keyakinan lain yang sama tarafnya (melakukan perkara yang jelas tanpa sebarang takwil yang menyebabkan seseorang itu menjadi murtad). Ini bersesuaian dengan satu kaedah fekah yang berbunyi:

الْبَيِّنُ لَا يُرَالُ بِالشُّكِّ.

Maksudnya: "Sesuatu perkara yang sabit dengan yakin, tidak boleh dihapuskan keyakinan tersebut dengan sesuatu yang meragukan."

Sekarang kita kembali menganalisa kata-kata yang dianggap oleh Haji Hadi boleh menyebabkan seseorang menjadi kafir iaitu: "politik suku, agama suku." Perkataan ini boleh diertikan sebagai memisahkan agama daripada politik.

Oleh kerana politik adalah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris, kita perlu melihat makna perkataan ini dalam bahasa asalnya. Kamus Oxford Advanced Learner's Dictionary (1995) ketika memberi makna perkataan "politics" menyebut antara lain:

- Competition between political parties, "persaingan antara parti-parti politik."
- Matters concerned with acquiring or exercising power within a group or an organization,
"perkara-perkara yang berkaitan dengan kegiatan memperolehi kuasa atau menjalankannya dalam sesuatu kumpulan atau sesebuah organisasi."

Nyatalah bahawa politik mengikut makna dalam bahasa asalnya memang tidak ada kena mengena dengan Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengatakan "agama suku, politik suku" telah menyatakan perkara yang benar menurut Islam.

Malah usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan

yang cuba untuk mendapatkan kuasa dengan cara memfitnah dan memburuk-burukkan golongan pemerintah, menghina serta menghasut orang ramai supaya membenci mereka, merupakan perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Menurut al-Sunnah, tindakan seperti demikian terhadap pemerintah umat Islam boleh menyebabkan seseorang itu mati dalam keadaan jahiliah, seperti yang dinyatakan dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَصْبِرْ عَلَيْهِ، فَإِنَّهُ مَنْ فَارَقَ
الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَمَاتَ إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.

Maksudnya: "Sesiapa yang melihat pada pemerintahnya sesuatu yang ia tidak suka, maka hendaklah ia bersabar kerana sesungguhnya sesiapa yang mengambil langkah untuk membatalkan kesetiaan kepada pemerintah walaupun sekadar sejengkal lalu ia mati, maka ia mati dalam keadaan jahiliah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ibn Abi Jumrah mentafsirkan makna "mufaraqah" dalam hadith ini dengan katanya:

وَهَذِهِ الْمُفَارَقَةُ مَعْنَاهَا : أَنْ يَسْعَى فِي حِلِّ تِلْكَ الْبَيْعَةِ الَّتِي
لِلْأَمِيرِ وَلَوْ بِأَذْنَى شَيْءٍ، فَعَبَّرَ عَنْهَا بِمِقْدَارِ الشُّبْرِ.

Maksudnya: "Mufaraqah dalam hadith ini bermakna: melakukan usaha untuk membatalkan bai'ah atau perakuan setia kepada pemerintah walaupun dengan mengambil sesuatu tindakan yang paling kecil lalu ia digambarkan dengan ungkapan: sekadar sejengkal."

Amalan politik seperti ini sebenarnya telah diasaskan oleh seorang Yahudi bernama Abdullah bin Saba' yang berasal dari Yaman. Ia berpura-pura menganut Islam dan tinggal di Madinah pada zaman Khalifah Uthman r.a.. Gerakan-gerakan politik yang dimainkan olehnya telah membawa kepada tragedi pembunuhan Saiyidina Uthman r.a..

Antara taktik yang dilakukan oleh Abdullah bin Saba' untuk menggugat pemerintahan Khalifah Uthman r.a. ialah dengan mempertikaikan kesahihan Saiyidina Uthman r.a. sebagai pemerintah, mengkritik para pegawai yang dilantik oleh khalifah dan menimbulkan kebencian orang ramai terhadap mereka hingga ke peringkat menghalalkan darah Khalifah Uthman r.a., seperti yang dirakam oleh Abdul Wahhab an-Najjar yang memetik daripada kitab "Tarikh at- Tabari":

ثُمَّ قَالَ لَهُمْ بَعْدَ ذَلِكَ : أَنَّ عُثْمَانَ أَخَذَ الْخِلَافَةَ بِغَيْرِ حَقٍّ،
وَهَذَا وَصَّى رَسُولُ اللَّهِ، فَأَنْهَضُوا فِي هَذَا الْأَمْرِ فَحَرَكُوهُ،
وَابْتَدُوا بِالطَّعْنِ عَلَى أَمْرَائِكُمْ، وَأَظْهَرُوا الْأَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ

وَالنَّهْيَ عَنِ الْمُنْكَرِ تَشْتَمِلُوا النَّاسَ ...

Maksudnya: "Kemudian Abdullah bin Saba' berkata kepada pengikut-pengikutnya: Sebenarnya Saiyidina Uthman r.a. mengambil jawatan khalifah dengan cara yang tidak sah. Orang yang berhak menjadi khalifah ialah Saiyidina Ali k.w.j. sebagai penerima wasiat daripada Rasulullah s.a.w.. Bangkitlah kamu sekalian dan gerakkan usaha-usaha untuk memperjuangkan hak ini. Mulakan usaha dengan melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap para pemerintah kamu. Tunjukkan kepada orang ramai yang kamu ingin melakukan kewajipan amar makruf serta mencegah mungkar untuk menarik sokongan mereka, dan ajaklah orang ramai untuk menyertai perjuangan ini."

Malah taktik melaungkan takbir terhadap pegawai dan penyokong kerajaan telah digunakan oleh pengikut Abdullah bin Saba' yang bernama Muhammad bin Abi Huzaifah, seperti yang dapat disaksikan dalam nukilan berikut oleh Abdul Wahhab an-Najjar:

إِذْ صَلَّى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي سَرْحٍ بِالنَّاسِ الْعَصْرَ، فَكَبَّرَ مُحَمَّدٌ
بُنُ أَبِي حَدَيْفَةَ تَكْبِيرًا رَفَعَ صَوْتَهُ حَتَّى فَرَعَ عَبْدُ اللَّهِ مِنْ
صَلَاتِهِ فَقَالَ لَهُ : مَا هَذِهِ الْبِدْعَةُ وَالْحَدِيثُ؟ فَقَالَ مُحَمَّدٌ

بُنْ حَدِيثَةً : مَا هَذِهِ بِدْعَةٌ وَلَا حَدِيثٌ وَمَا بِالتَّكْبِيرِ بِأَسْ.
 فَقَالَ : لَا تَعُودَنَّ. فَلَمَّا صَلَّى الْمَغْرِبَ عَادَ فَكَبَّرَ بِصَوْتٍ
 أَرْفَعَ.

Maksudnya: “Ketika Abdullah bin Abi Sarh (pemerintah Mesir) menjadi imam sembahyang jamaah Asar, Muhammad bin Huzaiifah bertakbir dengan suara yang lantang. Setelah selesai sembahyang, Abdullah berkata: “Rekaan baru dan bidaah apakah ini?” Muhammad menjawab: “Ini bukan bidaah dan rekaan baru; apa salahnya bertakbir?” Abdullah berkata: “Jangan ulangi lagi.” Ketika sembahyang Maghrib, Muhammad mengulangi perbuatannya bertakbir dengan suara yang lebih lantang.”

Jika kita katakan bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan “politik” dalam fatwa Haji Hadi itu ialah kewajipan mendirikan pemerintahan yang termasuk dalam bidang siasah syariah, maka kata-kata “agama suku, politik suku” dengan pengertian ini juga tidak menyebabkan seseorang itu menjadi kafir, seperti yang dihuraikan oleh para ulama dalam kitab-kitab ilmu tauhid. Kitab Syarh al-Baijuri menyebut:

فَلَيْسَ نَصْبُ الْإِمَامِ رُكْنًا يَعْتَقَدُ فِي قَوَاعِدِ الدِّينِ الْمُجْمَعِ

عَلَيْهَا الْمَعْلُومَةُ بِالتَّوَاتُرِ بِحَيْثُ يُكْفَرُ مُنْكَرُهَا كَالشَّهَادَتَيْنِ
وَالزَّكَاةِ وَالصَّلَاةِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ وَالْحَجِّ، لِأَنَّهُ لَيْسَ مَعْلُومًا
مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ، فَلَا يُكْفَرُ مُنْكَرُهَا.

Maksudnya: “Melantik pemerintah bukanlah sebahagian daripada rukun yang wajib diiktikad dalam hukum-hukum asas agama yang diijmak oleh ulama dan diketahui dengan cara yang tidak boleh diragukan (mutawatir), sehingga orang yang mengingkarinya menjadi kafir seperti mengucap dua kalimah syahadat, zakat, solat, puasa bulan Ramadan dan haji, kerana ia (hukum yang berkaitan dengan pemerintahan) tidak termasuk dalam bahagian ‘hukum agama yang diketahui dengan mudah tanpa memerlukan kajian’. Maka dengan itu orang yang mengingkari hukum tersebut tidaklah menjadi kafir.”

Adalah nyata berasaskan petikan daripada kitab tauhid ini bahawa fatwa Haji Hadi adalah bertentangan dengan ajaran ilmu tauhid seperti yang dihuraikan oleh para ulama.

Jihad Dan Mati Syahid

Fatwa Haji Hadi yang disebutkan itu juga menyatakan

bahawa perjuangan menentang UMNO dan Barisan Nasional merupakan suatu jihad: "perjuangan kita adalah jihad." Dan orang yang terbunuh dalam perjuangan tersebut dianggap mati syahid: "mati kita adalah mati syahid."

Perkataan jihad dalam Islam mengandungi beberapa pengertian. Antaranya ialah: peperangan bersenjata menentang orang-orang kafir yang memerangi negara Islam (jihad qitali). Jihad peperangan ini termasuk dalam bahagian hukum yang dikenali dengan *ahkam al-imamah* (hukum-hukum yang termasuk di bawah bidang kuasa pemerintah). Pelaksanaannya mesti dibuat melalui pemerintah seperti yang dijelaskan oleh Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buty:

وَيُعَدُّ الْجِهَادُ الْقِتَالِيُّ فِي مُقَدِّمَةِ أَحْكَامِ الْإِمَامَةِ، بَلْ لَا أَعْلَمُ
خِلَافًا فِي أَنَّ سِيَاسَةَ الْجِهَادِ إِعْلَانًا وَتَسْيِيرًا وَإِنْتِهَاءً وَنَظْرًا
لِذُبُولِهِ وَآثَارِهِ، كُلُّ ذَلِكَ دَاخِلٌ فِي أَحْكَامِ الْإِمَامَةِ، وَأَنَّهُ
لَا يَجُوزُ لِأَيِّ مِنْ أَفْرَادِ الْمُسْلِمِينَ أَنْ يَسْتَقْبَلَ دُونَ إِذْنِ
مِنَ الْإِمَامِ وَمَشُورَتِهِ فِي إِتْرَامِ شَيْءٍ مِنْ هَذِهِ الْأُمُورِ.

Maksudnya: "Jihad peperangan adalah antara hukum utama yang termasuk dalam bahagian hukum-hukum yang tertakluk di bawah bidang kuasa pemerintah. Malah sepanjang pengetahuan

saya, tidak terdapat sebarang perbezaan pendapat di kalangan ulama bahawa polisi berkaitan dengan jihad ini; mengisytiharkannya, menggerakkan tentera, menamatkannya, mengkaji kesan-kesan dan akibatnya, semuanya itu termasuk dalam hukum-hukum yang tertakluk di bawah bidang kuasa pemerintah. Oleh itu tidak harus (haram) bagi mana-mana orang dari kalangan umat Islam mengambil tindakan sendiri tanpa kebenaran dan perbincangan dengan ketua negara dalam menentukan apa-apa perkara yang berkaitan dengan jihad ini.”

(al-Jihad Fi al-Islam)

Beliau seterusnya menyebut nas-nas daripada kitab-kitab fekah yang membicarakan persoalan ini, antaranya kitab *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah.

وَأَمْرُ الْجِهَادِ مَوْكُؤُلٌ إِلَى الْإِمَامِ وَاجْتِهَادِهِ، وَيَلْزِمُ الرَّعِيَّةَ طَاعَتَهُ
فِي مَا يَرَاهُ مِنْ ذَلِكَ.

Maksudnya: “Urusan yang berkaitan dengan jihad terserah kepada keputusan ketua negara dalam apa jua keputusan yang diambil olehnya dalam perkara tersebut.”

Pandangan para ulama ini berasaskan kepada beberapa hadith, antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

الْجِهَادُ وَاجِبٌ عَلَيْكُمْ مَعَ كُلِّ أَمِيرٍ، بَرًّا كَانَ أَوْ فَاجِرًا،
وَالصَّلَاةُ وَاجِبَةٌ عَلَيْكُمْ خَلْفَ كُلِّ مُسْلِمٍ، بَرًّا كَانَ أَوْ
فَاجِرًا، وَإِنْ عَمِلَ الْكَبَائِرَ.

Maksudnya: "Jihad wajib ke atas kamu bersama (di bawah pimpinan) mana-mana pemerintah, sama ada ia orang baik atau orang fasik, dan sembahyang wajib ke atas kamu bersama (berimamkan) mana-mana muslim, sama ada ia orang baik atau orang fasik, sekalipun ia melakukan dosa besar."

(Riwayat Abu Daud)

Tindakan memerangi pemerintah dengan menggunakan kekuatan, termasuk dalam jenayah *al-hirabah* menurut hukum fekah Islam. Jenayah terhadap masyarakat dan negara ini digambarkan oleh Allah dalam Surah al-Ma'idah ayat 33 sebagai tindakan "memerangi Allah dan Rasul-Nya" yang membawa hukuman mati dan hukuman-hukuman lain seperti yang tersebut dalam ayat tersebut.

Dr. al-Buty dalam kajiannya itu menyatakan bahawa golongan yang melakukan penentangan bersenjata terhadap pemerintah umat Islam di negara-negara Islam hari ini tidak boleh dianggap sebagai golongan *bughah*. Ini kerana untuk menganggap golongan penentang kerajaan sebagai *bughah* perlu memenuhi tiga syarat seperti yang disepakati oleh ulama. Syarat-syarat tersebut

ialah: Pertama, mereka berpegang kepada satu pendapat ijtihad yang pada hakikatnya salah, tetapi tidak begitu jelas salahnya; kedua, mereka memiliki kekuatan; dan ketiga, mereka mempunyai pemimpin yang dipatuhi perintahnya.

Menurut al-Buty lagi, penentangan secara kekerasan terhadap pemerintah umat Islam adalah haram hukumnya dengan ijmak ulama, seperti yang terkandung dalam petikan-petikan berikut:

وَأَمَّا الْخُرُوجُ عَلَيْهِمْ وَقِتَالُهُمْ فَحَرَامٌ بِإِجْمَاعِ
الْمُسْلِمِينَ، وَإِنْ كَانُوا فِسْقَةً ظَالِمِينَ، وَقَدْ
تَظَاهَرَتِ الْأَحَادِيثُ بِمَعْنَى مَا ذَكَرْتَهُ، وَأَجْمَعَ أَهْلُ السُّنَّةِ
أَنَّهُ لَا يَنْعَزِلُ السُّلْطَانُ بِالْفِسْقِ.

Maksudnya: "Memberontak terhadap golongan pemerintah dan memerangi mereka, maka hukumnya haram dengan ijmak ulama Islam, sekalipun mereka melakukan kefasikan dan kezaliman. Terdapat banyak *hadith-hadith* yang menerangkan hukum yang saya sebutkan itu. Dan Ahlus Sunnah juga telah ijmak menyatakan bahawa pemerintah tidak terlucut jawatannya dengan melakukan dosa yang menyebabkan ia menjadi fasik."

(Imam Nawawi dalam *Syarh Sahih Muslim*)

... فَتَجِبُ طَاعَةُ الْإِمَامِ وَلَوْ جَائِزًا. وَفِي شَرْحِ مُسْلِمٍ : يُحْرَمُ
الْخُرُوجُ عَلَى الْإِمَامِ الْجَائِزِ إِجْمَاعًا.

Maksudnya: "... Maka wajib taat kepada pemerintah sekalipun ia seorang yang zalim. Tersebut dalam kitab syarh Muslim: Haram memberontak terhadap pemerintah yang zalim dengan ijmak ulama."

Hukum ijmak ini diambil oleh para ulama daripada hadith-hadith yang banyak. Antaranya:

إِنَّكُمْ سَتَرُونَ بَعْدِي أَثْرَةً وَأُمُورًا تُنْكَرُونَهَا، قَالُوا : فَمَا
تَأْمُرُونَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ : أَدُّوا إِلَيْهِمْ حَقَّهُمْ وَسئَلُوا اللَّهَ
حَقَّكُمْ.

Maksudnya: "Sesungguhnya akan berlaku sifat mengutamakan diri daripada pemerintah kamu dan perkara-perkara yang kamu mengingkarinya. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana-kah perintah kamu terhadap mereka yang menemui keadaan demikian dari kalangan kami?" Rasulullah menjawab: "Kamu tunaikan hak taat yang wajib ke atas kamu, dan kamu memohon kepada Allah hak kamu."

(Riwayat Bukhari)

...قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا تُنَابِذُهُم بِالسَّيْفِ، فَقَالَ : لَا مَا
 أَقَامُوا فِيكُمْ الصَّلَاةَ. وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ وَلَايِكُمْ شَيْئًا تَكْرَهُونَهُ
 فَآكِرْهُوا عَمَلَهُ، وَلَا تَنْزِعُوا يَدًا مِنْ طَاعَتِهِ.

Maksudnya: "... Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Bolehkah kami menentang mereka (golongan pemerintah) dengan pedang?" Rasulullah menjawab: "Tidak boleh, selagi mereka menegakkan fardhu sembahyang di kalangan kamu. Apabila kamu melihat perkara yang kamu tidak suka pada pemerintah-pemerintah kamu, maka hendaklah kamu benci perbuatannya, dan janganlah kamu membatalkan kesetiaan kamu."

(Riwayat Muslim)

مَنْ كَرِهَ مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ، فَإِنَّهُ مَنْ خَرَجَ مِنَ السُّلْطَانِ
 شَيْئًا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.

Maksudnya: "Sesiapa yang tidak suka sesuatu perkara daripada pemerintahnya, maka hendaklah ia bersabar, kerana sesungguhnya sesiapa yang mengambil langkah memberontak terhadap pemerintah sekadar sejengkal sekalipun, lalu ia mati, maka matinya adalah mati jahiliah."

(Riwayat Bukhari)

Hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa mati orang yang memberontak terhadap pemerintah umat Islam adalah mati jahiliah. Ini nyata bertentangan dengan fatwa Haji Hadi yang menyatakan mati mereka adalah mati syahid.

Berkenaan pengertian mati syahid, kitab 'fathul mu'in' menjelaskan:

وَهُوَ مَنْ مَاتَ فِي قِتَالِ الْكُفَّارِ بِسَبَبِهِ.

Maksudnya: "Syahid ialah orang yang mati dalam peperangan jihad menentang orang-orang kafir (harbi), yang kematiannya berlaku dengan sebab peperangan."

Adalah jelas daripada huraian-huraian ini bahawa keseluruhan "Fatwa Haji Hadi" bercanggah dengan hukum-hukum akidah dan syariat Islam yang diijmak oleh para ulama. Memandangkan kedudukan fatwa dan kesannya begitu penting, kerana lingkungannya begitu luas hingga membabitkan persoalan tentang Islam dan kufurnya seseorang dan menghalalkan pertumpahan darah sesama Islam yang boleh menimbulkan ancaman kepada keamanan dan keselamatan negara, maka ia diletakkan di bawah bidang kuasa pemerintah seperti yang disebut dalam kitab *al-Ihkam* oleh al-Qarafi yang telah dipetik sebelum ini.

Maka demi menjaga kepentingan umum sesuai dengan prinsip siasah syariah, pemerintah boleh

mengadakan peraturan supaya fatwa tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran pihak berkuasa, dan mengambil tindakan terhadap mereka yang mengingkarinya. Malah terdapat nas yang jelas daripada al-Sunnah yang melarang umat Islam mengeluarkan fatwa tanpa keizinan pemerintah:

لَا يَقْضُ عَلَى النَّاسِ إِلَّا أَمِيرٌ أَوْ مَأْمُورًا أَوْ مُرَائًا.

Maksudnya: "Tidak memberi syarahan dan fatwa kepada orang ramai melainkan ianya: Pemerintah, atau orang yang diberi kebenaran oleh pemerintah, ataupun ia seorang yang bersifat riak."

(Riwayat Imam Ahmad)

Al-Imam Muhammad Abdul Rauf al-Manawi dalam kitabnya *Syarah al-Jam'i al-Soghir* menghuraikan maksud 'muraain' (orang yang bersifat riak) dalam hadith ini dengan katanya:

طَالِبٌ لِلرِّيَاسَةِ مُخَادِعٌ، مُتَكَلِّفٌ مَا لَمْ يُكَلِّفْهُ الشَّارِعُ.

Maksudnya: "Orang yang berusaha untuk menjadi pemimpin, memperdaya orang ramai, dan mengadakan perkara yang tidak dituntut oleh syarak."

Hadith ini merupakan dalil yang jelas menunjukkan bahawa pemerintah berhak mengenakan peraturan bagi

orang yang ingin memberi fatwa, syarahan dan sebagainya seperti keperluan mendapat tauliah, kebenaran dan perkara-perkara lain difikirkan perlu, demi menjaga kesucian hukum agama dan kepentingan umum.

Keempat: Kawalan Terhadap Penyebaran Berita Yang Menyentuh Keselamatan Negara.

Berasaskan pengalaman menentang keganasan komunis setelah negara mencapai kemerdekaan, disusuli dengan keganasan kaum dalam peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah mengenakan kawalan terhadap penyebaran berita dan juga ucapan yang menyentuh keamanan dan keselamatan negara. Peraturan ini telah menjadi sasaran kritikan oleh sesetengah negara yang menganggap mereka sebagai juara demokrasi dan kebebasan bersuara. Tindakan ini diikuti oleh sesetengah pihak dari kalangan rakyat Malaysia yang sering menganggap bahawa sesuatu yang datang dari Barat adalah baik dan benar.

Namun setelah berlaku serangan penganas ke atas WTC di New York pada 11 September 2001, kerajaan Amerika mula menyedari keperluan menapis berita-berita yang menyentuh keselamatan negara. Stesen penyiaran CNN yang dianggap begitu bebas sebelum ini, terpaksa akur kepada peraturan ini.

Peristiwa ini menyerlahkan kebenaran satu prinsip yang terdapat dalam kaedah fekah Islam yang menyatakan "kepentingan umum hendaklah diutama-

kan daripada kepentingan khusus". Dan langkah yang diambil oleh kerajaan itu menepati prinsip siasah syar'iyah yang dihuraikan sebelum ini.

Memandangkan pengaruh berita terhadap keselamatan negara begitu besar, maka al-Quran memberi perhatian khusus berkenaan persoalan ini. Di zaman Rasulullah s.a.w. terdapat golongan munafik dan sebahagian daripada kalangan umat Islam yang lemah iman bertindak menyebarkan berita-berita yang berkaitan dengan keamanan dan peperangan, tanpa merujuk kepada Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat yang bertanggungjawab mengendalikan urusan berkenaan bagi memastikan kesahihannya. Oleh kerana tindakan demikian boleh membahayakan keselamatan negara, maka turun ayat 83 daripada surah al-Nisa' yang menegur perbuatan tersebut:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ وَلَوْ رَدُّوهُ
إِلَى الرَّسُولِ وَالْإِلَى الْأُولَى الْأَمْرُ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ
مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ
إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

Maksudnya: "Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan Ulil Amri di

antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya daripada mereka (Rasul dan Ulil Amri). Kalau tidaklah kerana kurnia dan rahmat Allah kepada kamu, tentulah kamu mengikut syaitan, kecuali sebahagian kecil saja (di antaramu.”

(Surah al-Nisa': 83)

Ayat ini menganggap mereka yang menyebarkan berita-berita yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan negara sebagai mengikut syaitan. Ini menunjukkan bahawa perbuatan demikian merupakan satu dosa yang besar. Kalau penyebar berita berkenaan begitu besar kesalahannya dalam Islam, maka bagaimana pula mereka yang sengaja mereka-reka berita dan menyebarkannya dengan tujuan menjejaskan keselamatan negara. Walaupun terdapat teknologi canggih hari ini seperti internet yang menyukarkan pihak berwajib mengesan mereka yang melakukannya, namun orang-orang yang beriman tidak seharusnya lalai daripada peringatan-peringatan Allah yang terdapat dalam ayat-ayat berikut ini:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٨٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan

tentangya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggung jawaban.”

(Surah al-Isra': 36)

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir.”

(Surah Qaaf: 18)

